

24 JUN 1999

Mahathir-Calon

PM AKAN TETAPKAN CALON-CALON BN UNTUK PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sendiri akan menetapkan calon-calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga berkata, pembahagian kerusi untuk parti-parti komponen BN bagi pilihan raya itu akan menggunakan formula lebih kurang sama dengan yang digunakan sebelum ini.

"Calon-calon akan diputuskan oleh BN dengan cara tersendiri dan pemilihan muktamad akan dibuat oleh saya sebagai Pengerusi BN."

"Ini sudah diamalkan dan apabila kita putuskan siapa menjadi calon, maka semua parti komponen akan rapatkan barisan dan akan menyokong calon yang ditentukan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata, BN tidak menetapkan calon-calonnya untuk pilihan raya melalui mesyuarat.

Sebelum itu beliau memberitahu bahawa mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini tidak membincangkan soal calon atau pembahagian kerusi pilihan raya dan semua parti komponen dinasihatkan supaya tidak membincangkannya sehingga menimbulkan kontroversi.

Dr Mahathir berkata, pilihan raya umum akan diadakan tidak lewat daripada bulan Jun tahun hadapan.

Mandat Parlimen sekarang akan tamat tempoh pada 7 Jun tahun hadapan. Pilihan raya umum yang lepas telah diadakan pada 24 dan 25 April 1995.

Beliau menolak kemungkinan BN mengemukakan calon secara terus dan tidak mewakili mana-mana parti komponen dalam pilihan raya akan datang sebagaimana yang telah dilakukan bagi sebuah kerusi pilihan raya di Sarawak.

Pemilihan calon bagi sebuah kerusi di Sarawak dalam pilihan raya umum 1995 adalah satu pengecualian dan bukan merupakan satu peraturan.

"Itu satu pengecualian dan bukan satu peraturan dan kita tidak mahukannya lagi," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata bahawa BN akan merayakan ulangtahun penubuhannya yang ke-25 tahun ini dan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pusat bagi menyambut perayaan itu.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat sebagai setiausaha, Tun Daim Zainuddin sebagai bendahari dan semua pemimpin 14 parti komponen BN sebagai anggota jawatankuasa itu.

-- BERNAMA

AFY PR